

26 OCT 1999

YTL-BINTANG/I

YTL TAMBAH PERBELANJAAN JADIKAN BUKIT BINTANG SYURGA BELI BELAH

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- YTL Corporation Bhd akan membelanjakan kira-kira RM50 juta menjadikan Bukit Bintang syurga membeli-belah untuk pelancong tempatan dan asing.

Ini merupakan pelaburan yang lebih tinggi daripada unjuran awal RM10 juta hingga RM15 juta.

Pengarah urusannya, Tan Sri Francis Yeoh Sock Ping berkata syarikat itu akan membelanjakan RM100 juta lagi untuk membangunkan apartmen mewah berdekatan Ritz-Carlton Kuala Lumpur yang akan disambungkan ke pusat membeli-belah Starhill.

Projek yang diberi nama "Bintang", dari Ritz-Carlton ke Lot 10 dan terletak di tengah-tengah bandaraya, akan disiapkan menjelang 1 Dis.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan tarikan daya pelancong baru itu pada 7 Dis.

Yeoh memberitahu persidangan akhbar di sini hari in bahawa Bintang akan sering dikunjungi selepas KLCC memandangkan projek Bintang itu mempunyai sejarah tersendiri sebagai pusat hiburan dan membeli-belah sejak 100 tahun lalu.

Katanya lagi insentif yang diperkenalkan baru-baru ini berhubung bebas cukai ke atas barangan kulit dan jangkakan lebih banyak lagi cukai akan dimansuhkan oleh kerajaan akan menarik banyak lagi barangan berjenama dijual di negara ini.

"Sekiranya kita boleh menghapuskan cukai, pelancong-pelancong boleh mendapati produk terbaik mereka dijual di ini. Tidaklah lagi mereka pergi ke Hong Kong, Singapura atau London mereka harga barangan berjenama adalah sama dengan yang ditawarkan di tempat-tempat lain," kata Yeoh.

-- BERNAMA

ZMY MA